

PROFAIL PERMATA CAMAR



MEMBINA MASA DEPAN ANAK-ANAK PENGHUNI



JUN
2025

09-5341320 - PEJABAT

KOMPLEKS PERMATA CAMAR
Lorong Cempaka 1, Kampung Sri Cempaka
26060 Kuantan, Pahang Darul Makmur

KANDUNGAN

Indeks	2
Sejarah & Pengenalan Nadwah	3
Maklumat Korperat Permata Camar	4
Objektif, Visi, Misi dan Iltizam	5
Sejarah Penubuhan	6
Gambar Aktiviti	7-10
Penutup	11

BADAN NADWAH ISLAMIAH PAHANG

SEJARAH DAN PENGENALAN NADWAH

Badan Nadwah Islamiah Pahang atau lebih dikenali **NADWAH** pada awal penubuhan di tahun 80'an merupakan Sekreteriat Dakwah Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan yang dipengerusi oleh Al Fadhil Qadhi Daerah Kuantan dengan dianggotai oleh beberapa Biro Agama di jabatan dan agensi kerajaan. Aktiviti dan program yang dilaksanakan adalah dalam bentuk 'dakwah bil lisan' yang mana menganjurkan ceramah, forum dan seminar disamping itu mengatur penceramah terkemuka dari Kuala Lumpur untuk dimanfaatkan di masjid, surau dan jabatan-jabatan kerjaan.

Pada tahun 1997 maka tercetuslah idea untu mendaftarkan NADWAH sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966. Pada tanggal 10 November 1997 NADWAH telah diluluskan pendaftaran PPM-010-06-11101997.

Pada tahun 1998, NADWAH telah mengubah bentuk dakwah dengan memberi tumpuan kepada 'dakwah bil hal' dengan melaksanakan kerja-kerja kebajikan bagi membantu umat Islam yang memerlukan pertolongan. Diantara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- Pusat Hemodialisis Islam Makmur (PHIM) merupakan aktiviti dakwah bil hal yang pertama. Ditubuhkan pada 1999 dan memula operasi pada tahun 2001. Memberi perkhidmatan hemodialisis kepada pesakit buah pinggang tanpa mengira bangsa terutama yang tidak mempunyai penaja bagi menampung kos rawatan.
- QUDWAH ditubuhkan pada tahun 2003 yang mana salah satu daripada aktiviti utamanya ialah mengadakan ziarah pesakit di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan.
- Penempatan Anak-Anak Yatim dan Miskin Nadwah Permata Camar ditubuhkan pada tahun 2004 bagi menyediakan kemudahan yang lengkap, membimbing penghuni untuk menjadi muslim sejati dan berakhlak mulia. Disamping itu juga memberikan pendidikan yang lengkap agar menjadi insan yang mampu berdikari
- Mewujudkan khidmat surau bergerak pada tahun 2015 yang dikenali dengan Mobil Musolla iaitu menyediakan kemudahan tempat solat terutamanya di pasar-pasar malam di Daerah Kuantan serta perlawanan bola sepak di Stadium Darul Makmur dan acara-acara besar lain di luar dan dalam Daerah Kuantan.

Pihak NADWAH juga sedang merancang untuk membangunkan sebuah kompleks komuniti di atas tapak seluas 3 ekar bertempat di Sungai Soi, Kuantan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Kompleks tersebut merangkumi Pusat Hemodialisis, Pusat Jagaan Harian & Pendidikan Warga Emas dan Pusat Rehabilitasi.



MAKLUMAT KORPORAT

No. Pendaftaran (ROS)	: PPM -015-06-27102014
Tarikh Pendaftaran	: 27 Oktober 2014
No. Pendaftaran (JKM)	: C/PJB KK 025/2017
Alamat Berdaftar	: Lot 9015, Lorong Cempaka 1, Kampung Sri Cempaka, 26060 Kuantan Pahang
No. Telefon	: 09-534 1320 (Pejabat)
Whatsapp	: 010-934 9015
Email	: permatacamarkuantan@gmail.com
Facebook	: Permata Camar Nadwah
Penaung Diraja	Kebawah Duli Pduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah DK., SSAP., SIMP.
Penasihat	Ustaz Khairul Anuar Bin Kamar (Presiden Badan Nadwah Islamiah Pahang)
Ahli Jawatankuasa	YH Dato' Haji Halidan Bin Md Daud
Pegerusi	
	Encik Mohd Nazri bin Ibrahim
Timbalan Pegerusi	
	Tuan Hj. Abdul Rahman Bin Abdullah
Setiausaha	
	Encik Amirul Akmal bin Saharuddin
Penolong Setiausaha	
	Encik Muhammad Syauqi bin Mohd Jais
Bendahari	
Ahli Jawtankuasa Biasa	
	Encik Zafridan bin Md Daud
	Dr. Fatmawatin binti Latada
	Encik Ahmad Shafiq bin Abdul Rahman
	Encik Muhammad Nasrullah bin Abdul Ghapar
Juru Audit Dalaman	
	Encik Ahmad Safwan bin Abdul Rahman
	Encik Hanif Azree Mohd Effendi

OBJEKTIF

- Menyediakan penempatan dan kemudahan yang lengkap kepada anak-anak yatim dan miskin
- Membimbing dan membentuk penghuninya untuk menjadi muslim yang sejati serta berakhlak mulia
- Memberikan pendidikan yang lengkap kepada penghuninya agar menjadi manusia yang bertanggungjawab

VISI

Menyediakan penempatan dan kemudahan yang lengkap kepada anak-anak yatim dan miskin dalam proses membentuk individu muslim yang berakhlak terpuji dan berdikari

MISI

- Membina kompleks yang serba lengkap dengan kemudahan yang selesa dan terkini
- Membimbing dan membentuk penghuninya untuk menjadi muslim sejati serta individu berakhlak mulia
- Memberi pendidikan yang lengkap kepada anak-anak penghuni agar menjadi manusia yang bertanggungjawab dan mampu berdikari.

ILTIZAM

Corakan **A**nak **M**engikut **A**jaran **R**asullullah S.A.W



BADAN KEBAJIKAN ANAK ANAK YATIM DAN MISKIN NADWAH PERMATA CAMAR

Sejarah Penubuhan

Penubuhan rumah Anak Yatim dan Miskin Permata Camar telah di ilhamkan oleh Badan Nadwah Islamiah Pahang (NADWAH) pada tahun 2002. Berkat dari idea penubuhan tersebut, maka Permata Camar telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada 28 Februari 2004 dengan menyewa 3 unit rumah berkembar di Taman Berjaya Permai, Kuantan. Pada permulaannya seramai 5 orang anak-anak telah diambil sebagai kumpulan pertama.

Pada tahun 2006, Permata Camar telah menerima wakaf tanah seluas 2.1 ekar (0.8 Hektar) beserta sebuah rumah banglo. Kemudian pada tahun 2008, sebidang tanah berkeluasan 2.21 ekar telah dibeli dengan sumbangan derma orang ramai menjadikan jumlah tanah keseluruhan 4.36 ekar (1.7 Hektar).

Pada 24 Oktober 2014, Permata Camar telah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dengan mengguna pakai nama Badan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Miskin Nadwah Permata Camar. Ini bagi membolehkan Permata Camar bergerak secara berasingan dengan badan induk, Badan Nadwah Islamiah Pahang di dalam urusan pentadbiran dan kewangan.

Bilangan penghuni juga telah meningkat daripada 5 orang pada 2004 dan kini (2024) penghuni semasa berjumlah 32 orang sehingga September 2024 Permata Camar telah pun melahirkan 150 orang alumni atau yang anak-anak yang pernah menetap di Permata Camar balik ke pangkuan keluarga atau berbakti kepada masyarakat.



Dewan Permata
Camar (2019)



Blok Pentabdiran
(2022)

Permata Camar telah dibangunkan secara beransur-ansur berdasarkan kemampuan kewangan yang ada.



Surau An-Nadwah (2008)



Dewan Makan (2010)



Teratak Bonda Nafisah



Teratak Salehuddin (2012)



Teratak As Shariff (2015)

GAMBAR AKTIVITI

Di Permata Camar, anak-anak Yatim dan Miskin di jaga kebajikan dan diberikan kemudahan bagi menjalani kehidupan dengan sempurna. Namun mendidik dan pembentukan sahsiah mereka tetap menjadi keutamaan.



KOS PEGURUSAN DAN PEMBANGUNAN

Perbelanjaan bagi menguruskan serta perbelanjaan asas dan kemudahan anak-anak di Permata Camar adalah sebanyak RM 30,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga puluh ribu sahaja) sebulan.

Selain itu, kami juga mempunyai kelulusan untuk mengeluarkan resit cukai pendapatan bermula Ogos 2022 hingga Julai 2027

8659	BADAN KEBAJIKAN ANAK- ANAK YATIM DAN MISKIN NADWAH PERMATA CAMAR LOT 9015, LORONG CEMPAKA 1 KAMPUNG SRI CEMPAKA 26060 KUANTAN PAHANG	INSTITUSI/ORGANISASI	01 OGO 2022	31 JUL 2027	DILULUSKAN
------	---	----------------------	----------------	----------------	------------

**BANK ISLAM**

Akaun Pembangunan

0601 9010 0698 49

**CIMB BANK**

Akaun Pengurusan

8603 2193 87

**Maybank**

5560 9324 1185

PENUTUP

Ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyumbang-peyumbang yang telah menghulur sumbangan bagi membantu pengurusan sehingga dapat merealisasikan impian anak-anak Permata Camar untuk menikmati kehidupan yang lebih sempurna. Semoga Allah SWT memberkati para penderma, menurunkan segala keberkatan dari langit dan bumi, mewariskan syurga firdausi serta mengurniakan sebaik-baik ganjaran serta dijauhkan daripada segala kejahatan dan kemungkaran. Aamiin ya raobbal Alamiin.